

# **SYARAK MENGATA ADAT MEMAKAI: TINJAUAN TERHADAP ADAT WARISAN MELAYU PERLIS DARI PERSPEKTIF AKIDAH DAN TEORI ‘URUF SYARAK**

**(SYARAK MENGATA ADAT MEMAKAI: *REVIEW OF THE MALAY CUSTOMS OF PERLIS FROM THE PERSPECTIVE OF ‘URF*)**

*Mohd Nizam Sahad*  
nizamsahad@usm.my

*Atikullah Haji Abdullah*  
atik@usm.my

*Suhaila Abdullah*  
aila@usm.my

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia

## **Abstrak**

Masyarakat Melayu di negeri Perlis sememangnya kaya dengan warisan adat istiadat yang meliputi segenap segi kehidupan mereka dari awal kelahiran hingga kepada kematian seseorang. Adat istiadat yang diamalkan oleh masyarakat Melayu Perlis ini dapat dikategorikan kepada dua, secara amnya, iaitu warisan adat istiadat yang tidak bercanggah dengan syariat Islam dan warisan adat istiadat yang bercanggah dengan syariat Islam. Kajian ini akan cuba meneliti kedua-dua kategori tersebut dengan tujuan mengenal pasti warisan adat istiadat yang wajar dilestarikan dan warisan adat istiadat yang wajib ditinggalkan lantaran bercanggah dengan kehendak dan agama Islam. Dalam erti kata lain, tinjauan ini akan cuba mengenal pasti kedudukan adat istiadat tersebut dari sudut pandangan perundangan Islam khususnya yang berkaitan dengan teori ‘uruf Syarak dari sudut amalan dan hukum-hakamnya. Kajian ini akan melihat sama ada warisan adat istiadat itu dapat dikategorikan dalam persoalan ‘uruf berdasarkan ulama Usul Fiqh dan juga mengkaji dari sudut keabsahan warisan

adat istiadat tersebut sama ada ia dapat dikategorikan dalam ‘uruf yang sah atau pun fasid menurut ajaran Islam.

Kata kunci : adat warisan, akidah, Melayu Perlis, ‘uruf

### ***Abstract***

*Malay community in Perlis is enrich with heritage that includes all the customs in their lives from birth till their death. In general, customs practiced by the Malays of Perlis can be categorized into two, which is customs that are not in conflict with the teaching of Islam and the heritage of customs that is confront to the teaching of Islam. This study will attempt to examine these two categories with the aim of identifying heritage that can be fitted and the customs that must be abandoned because of the contradiction regarding the Islamic laws and spirit of Islam. In other words, this review will try to figure out the customs with the theory of uruf syara’ and its laws. This study will also focus on whether the inherited customs can be categorized as ‘uruf by usul fiqh scholar and whether the customs is valid or not in the Islamic teaching.*

*Keywords:* adat warisan, akidah, Melayu Perlis, ‘urf

## **PENDAHULUAN**

*Kamus Dewan* menyatakan bahawa adat itu ialah peraturan yang sudah diamalkan turun-temurun sejak dahulu kala dalam sesuatu masyarakat.<sup>1</sup> Resam pula ialah adat kebiasaan atau aturan yang menjadi adat.<sup>2</sup> Adat juga merupakan cara atau sistem yang sudah menjadi kebiasaan serta diamalkan oleh sesuatu masyarakat manusia. Adat turut menjadi hukum-hakam serta perlembagaan sebagai pegangan atau panduan hidup masyarakat tersebut. Pantang larang, suruhan dan arahan yang tradisional juga termasuk dalam kategori adat.

Oleh yang demikian, adat boleh diistilahkan sebagai suatu kebiasaan atau perbuatan yang telah diterima oleh masyarakat sebagai suatu peraturan hidup yang seharusnya dipatuhi. Keteguhan adat masyarakat Melayu dalam kehidupan mereka terbukti apabila wujudnya pepatah Melayu yang mengatakan “biar mati anak, jangan mati adat”. Adat atau ‘uruf merupakan suatu perkara yang turut dijadikan dalil dalam penetapan hukum syarak dalam sesebuah masyarakat yang mengamalkan adat tersebut selagi tidak bertentangan dengan akidah Islam. Sungguhpun begitu, warisan adat resam budaya masyarakat Melayu pada masa ini semakin terhakis dan dilupakan akibat pengaruh kemodenan dan sikap

generasi muda yang tidak mempedulikannya lagi. Atas faktor itulah, kajian ini dilakukan sebagai satu bentuk dokumentasi terhadap kekayaan warisan adat resam masyarakat Melayu dengan menghubungkaitkannya dengan konsep ‘*uruf* dalam Islam terutama bagi masyarakat Melayu di negeri Perlis.

## **WARISAN ADAT RESAM MELAYU**

Kekayaan warisan dan adat resam Melayu telah dibuktikan melalui banyaknya hasil tulisan yang telah membuktikan bahawa masyarakat Melayu sememangnya tebal dan kukuh dengan kepercayaan dan adat resam dalam melaksanakan sesuatu perkara.

Di sebalik warisan permainan tradisi, tarian asli dan praktis budaya hidup, ada sahaja unsur pemikiran dan kepercayaan yang menaunginya. Pemikiran dan kepercayaan warisan adat resam ini diwariskan dari satu generasi ke generasi berikutnya semenjak zaman-berzaman, bermula dengan kepercayaan kepada animisme, dinamisme, Hindu-Buddha dan akhirnya ajaran Islam. Pegangan kepercayaan tersebut telah mencorakkan adat resam Melayu, meliputi golongan hamba pada suatu ketika dahulu hinggalah kepada golongan istana. Walaupun agama Islam dilihat dominan dalam segala hal dan tindak tanduk praktis kehidupan masyarakat Melayu, unsur kepercayaan lama sebelumnya dilihat masih lagi berbaki. Dalam hal ini, Mohd Taib Osman (1998:104) memberikan contoh bagaimana bercampur baurnya amalan keagamaan dan warisan kepercayaan agama lain apabila upacara doa selamat diseiringkan pula dengan amalan tepung tawar.

## **WARISAN ADAT RESAM MASYARAKAT MELAYU PERLIS**

Secara umumnya warisan adat resam bagi masyarakat Melayu Perlis tidaklah jauh berbeza dengan masyarakat Melayu di negeri lain. Yang berikut merupakan beberapa amalan yang dipraktiskan mereka dalam kehidupan merangkumi adat resam ketika anak masih berada dalam kandungan, ketika bayi dilahirkan, ketika perkahwinan dan juga kematian. Dipaparkan juga dalam tulisan ini warisan adat resam yang menyentuh aktiviti yang berkait rapat dengan pekerjaan utama masyarakat Melayu Perlis, seperti warisan adat resam dalam aktiviti bersawah padi dan ketika masuk ke dalam hutan.

### **Adat Resam Kelahiran**

Adat resam kelahiran bagi masyarakat Melayu Perlis boleh dibahagikan kepada dua, iaitu adat resam ketika hamil dan adat resam selepas bersalin. Terdapat beberapa ungkapan penting dalam warisan adat resam yang berhubung dengan proses kelahiran

seorang bayi di Perlis pada satu ketika dahulu, iaitu “mandi tian”, “bediang”, “bujam pengeras” dan “belah bumi”. Istilah dan upacara warisan adat resam bagi “mandi tian” ini hampir sama dengan upacara “lenggang perut” atau juga disebut “kirim perut”. Upacara mandi tian ini sebenarnya merupakan sebahagian daripada upacara “melenggang perut” dan merupakan suatu adat yang dijalankan terhadap seorang perempuan mengandung yang telah genap tujuh bulan kandungannya.<sup>3</sup> Mandi tian dilakukan dengan menggunakan sintuk<sup>4</sup> bagi menggantikan sabun. Mandi tian ini disempurnakan oleh bidan kampung dengan mencucuh sebatang lilin untuk dijampi. Mandi tian ini dilakukan bertujuan untuk menyelamatkan ibu serta kandungannya semasa proses kelahiran.<sup>5</sup> Adat resam mandi tian disusuli dengan adat melenggang perut. Adat melenggang perut ini bertujuan untuk membetulkan kedudukan anak di dalam kandungan ibu yang hamil supaya mudah untuk dilahirkan. Biasanya adat ini dilakukan pada tanggal 19 atau 21 atau 23 hari bulan Islam. Hari yang paling baik ialah pada hari Rabu dan Khamis.<sup>6</sup>

Menurut Rejab F.I (2008) pula, setelah seseorang perempuan itu mengandung tujuh bulan, bidan akan mengadakan upacara “mandi tian atau “mandi perut” kepada ibu yang mengandung itu. Mandi tian atau mandi perut hanya dilakukan kepada ibu yang mengandung anak sulung sahaja. Bidan akan menggolek-golekkan kelapa yang dikupas licin itu di atas perut si ibu sambil membaca doa mantera. Buah kelapa itu dibiarkan bergolek ke bawah dan si ibu yang mengandung itu menendang buah kelapa ke lantai. Apabila buah kepala itu terdampar pada dinding itu pecah, menandakan ibu yang mengandung itu akan mudah untuk bersalin.<sup>7</sup>

Ada yang berpendapat setelah bidan menggolekkan kelapa tersebut di perut ibu yang mengandung, kelapa tersebut akan dibelah dan dilihat sama ada belahan tersebut sempurna atau tidak. Jika sempurna belahannya menandakan bahawa kandungan wanita tersebut dalam keadaan sihat. Jika belahan tadi tidak sempurna menandakan kandungan tersebut adalah sebaliknya.<sup>8</sup>

Selain itu, amalan “bediang” juga turut dilakukan. Sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, amalan tradisional bediang telah dipraktikkan secara menyeluruh oleh masyarakat Melayu di bandar maupun di kampung negeri Perlis. Amalan bediang ini merupakan proses mengasap atau memberikan haba kepada ibu yang mengandung supaya tidak sejuk dan dipercayai keadaan ini memudahkan si ibu ketika bersalin.<sup>9</sup> Menurut Askarali (2009), cara ini juga bertujuan untuk mengembalikan urat saraf si ibu yang mengandung kepada keadaan biasa selain bertungku.<sup>10</sup> Bagi si ibu yang sudah mengandung selama tujuh bulan, suami atau keluarganya perlu menyediakan dahan kayu untuk dijadikan kayu api. Lumrahnya, kayu api yang digunakan untuk tujuan bediang daripada pokok gorah. Kayu gorah merupakan kayu terbaik bagi kegunaan bediang, kerana dapat memberikan kesan panas yang panjang. Kayu api tersebut digunakan selama empat

puluh empat hari dengan cara membakarnya bagi memanaskan badan si ibu yang baru bersalin.

Bagi tujuan bediang ini, kira-kira sepohon gorah diperlukan sepanjang tempoh empat puluh empat hari tersebut. Persiapan awal amat diperlukan kerana pokok gorah yang ingin dijadikan kayu api perlu melalui proses pengeringan supaya pembakaran yang dilakukan nanti menghasilkan bara api yang sempurna. Kawasan tempat simpanan kayu itu perlu disediakan dengan keluasan yang besar bagi menampung kapasiti sepohon gorah yang besar. Bagi tujuan tersebut si suami akan menyediakan bangsal untuk penyimpanan kayu api dan mengelakkannya daripada terkena hujan. Pentas atau ruang dapur sementara untuk membakar kayu api tadi dibina seluas tiga kaki atau empat kaki persegi yang menyerupai dapur kecil khas untuk tujuan bediang. Di sekeliling dapur tersebut batang pisang akan diletakkan untuk mengelakkan bara api merebak ke kawasan lain. Pada bahagian bawahnya pula dialaskan dengan tikar mengkuang atau tikar ibus yang usang atau lama, kemudiannya diratakan dengan tanah dan di atas tanah itu pula ditaburi abu. Kayu api dibakar di atasnya mengikut keperluan dan masa tertentu. Api yang menyala itu dipadamkan setelah kayu itu menjadi bara. “Gerai” atau tempat khas bagi orang yang bersalin itu ditempatkan di sebelah dapur. Si ibu yang berada di atas gerai itu akan bergerak mengikut posisinya bagi membolehkannya mendapat haba yang panas.

Selain itu, ketika mengandung tujuh bulan, si suami perlu menyiapkan atau menyediakan sebuah “bujam pengeras”, yang dibuat daripada daun ibus atau daun menerung. Saiznya kira-kira 60 cm lebar dan 60 cm panjang. Dalam bujam atau kecong itu perlu diisikan segantang beras, sebiji kelapa yang telah dikupas dan sehelai tikar lampin. Bujam tersebut akan diikat dengan benang mentah di bahagian atas atau *dijentu* permukaan atasnya. Setelah semua keperluan itu diisikan ke dalam bujam, maka digantung pula bekas itu di kawasan berdekatan tempat bediang. Bujam atau kecong itu dibiarkan tergantung sehingga ibu yang mengandung itu selamat melahirkan anak.

Pada hari bersalin, bujam akan diberikan kepada bidan sebagai sumbangan atau upah. Bujam juga disebut sebagai “pengeras”. Si suami akan membayar wang tunai sebagai hadiah atau duit pengeras berjumlah RM 15.15 atau membayar RM 20.15 bersama-sama dengan sebuah bujam yang berisi itu. Wang lima belas sen itu wajib disertakan.

Selain itu, terdapat masyarakat Perlis dahulu melakukan upacara “belah bumi” terhadap wanita yang susah melahirkan anak. Upacara belah bumi ini dilakukan bagi membuka saluran peranakan supaya wanita tersebut mudah untuk melahirkan anak. Caranya dengan menoreh pisau di tanah di bawah rumah bertentangan dengan si ibu yang sedang kesakitan di lantai atas rumah. Tindakan “belah bumi” seumpama membuka saluran peranakan si ibu tadi supaya mudah melahirkan anak.

Selain itu, tali pusat bayi yang telah dipotong dibawa ke hujung kampung untuk ditanam.<sup>11</sup> Bagi masyarakat Perlis, tali pusat bayi dipotong dengan menggunakan buluh yang dipanggil sebagai “tanggal pusat”. Si suami perlu menanam tali pusat tersebut di tempat yang selamat daripada binatang liar bagi mengelakkan daripada dikorek keluar. Jika berlaku hal seperti itu, maka dipercayai anak tersebut akan menjadi bisu.

Ada juga kepercayaan menanam tali pusat bersama-sama dengan paku dan dibakar dalam unggun api pada malam hari selama tujuh malam berturut-turut.<sup>12</sup> Si ibu yang dalam pantang tersebut pula perlu menyimpan peralatan, seperti besi, gunting dan paku di bawah tilam atau bantal bagi mengelakkan daripada diganggu oleh makhluk halus.

Bagi adat resam selepas bersalin pula, wanita tersebut perlu berbekam dengan melumurkan minyak ke seluruh bahagian badan, menyanggulkan rambut dan memakai ketang<sup>13</sup> di dada selama 40 hari bagi mengelakkannya daripada kesejukan. Bagi wanita yang sedang dalam pantang juga dilarang daripada melangkah bendul<sup>14</sup> pada pintu kerana dikhawatir akan turun darah.<sup>15</sup> Terdapat juga makanan yang boleh dimakan dan yang tidak boleh dimakan. Antara makanan yang tidak boleh dimakan ketika dalam pantang ialah makanan yang berkuah, daging dan ikan goreng. Makanan yang boleh dimakan ketika berpantang ialah nasi, ikan kering dan ikan bakar.<sup>16</sup>

Suatu ketika dahulu masyarakat Perlis percaya jika anak yang masih bayi terkena gangguan makhluk halus mereka perlu meletakkan paku di atas bumbung besi. Jika bayi sering menangis terutamanya pada waktu malam, nama bayi tersebut perlu ditukar kepada nama Hussin. Jika bayi tersebut masih terus menangis, bayi tersebut perlu dibawa berjumpa dengan orang yang lebih berilmu, seperti tok guru, ustaz dan sebagainya bagi menukar nama yang lebih baik. Masyarakat Perlis dahulu turut mempercayai bahawa perbuatan menyapu bahagian hidung bayi dan pada muka si ibu dapat mengelakkan diganggu makhluk halus.<sup>17</sup>

Selepas bersalin, diadakan majlis bercukur selewat-lewatnya tujuh hari selepas kelahiran dan adat menghayun buai. Buaian tersebut dihias dan diadakan nyanyian zikir.<sup>18</sup> Adat belah mulut juga masih diamalkan. Adat belah mulut ini dilakukan pada hari kelahiran bayi tersebut. Adat belah mulut ini dilakukan dengan menyapukan benda manis pada keseluruhan permukaan mulut bayi dengan menggunakan cincin emas. Selain itu, ada masyarakat yang menggunakan pisang untuk disapukan ke bibir bayi tersebut.<sup>19</sup> Masyarakat Perlis juga turut mengamalkan adat bercukur. Adat bercukur ini dilakukan selewat-lewatnya tujuh hari selepas kelahiran. Pada majlis bercukur ini diadakan marhaban atau berzikir yang didendangkan secara beramai-ramai. Selain itu, marhaban atau berzikir juga turut didendangkan dalam adat “hayun buai”. Bagi anak yang kena cacing, menurut kepercayaan mereka menggantungkan

tali yang diperbuat daripada benang mentah pada leher anak tersebut. Tali ini juga dijadikan tangkal sebagai pelindung diri.<sup>20</sup>

### **Adat Resam Perkahwinan**

Berdasarkan temu bual yang diadakan dengan Rejab F.I (2008), dalam adat perkahwinan masyarakat Perlis, perkara pertama yang dilakukan ialah menengok atau merisik. Si lelaki akan melihat si gadis dari jarak yang jauh. Kemudian jika berkenan, pihak lelaki akan menghantar wakil untuk bertanya khabar kepada orang yang mereka risik sama ada telah berpunya atau sebaliknya. Jika belum berpunya, rombongan meminang akan berkunjung ke rumah pihak perempuan bersama-sama cincin serta bekas pinang. Sebelum rombongan yang datang dibenarkan naik ke rumah, mereka dikehendaki berpantun terlebih dahulu. Jika rombongan yang datang tidak dapat membalsas pantun daripada tuan rumah, peminangan dianggap tidak berjaya. Jika sebaliknya, barulah dibenarkan untuk naik ke rumah. Kemudian, pantun buka mulut perlu diperdengarkan terlebih dahulu sebelum bicara selanjutnya diteruskan. Setelah berbincang dan kedua-dua pihak bersetuju menjalinkan ikatan kekeluargaan, maka mereka perlu makan pinang sebagai tanda persetujuan. Ibu kepada si lelaki akan menyarungkan cincin pada jari si gadis sebagai tanda ikatan telah terjalin antara lelaki dan perempuan.<sup>21</sup>

Majlis pertunangan akan diadakan bagi mengikat hubungan lelaki dan perempuan. Pada majlis pertunangan tersebut, diberikan sebentuk cincin kepada perempuan yang dipinang dan disitu ditetapkan hantaran belanja dan mas kahwin. Terdapat adat menjurus sirih, iaitu pihak lelaki akan membawa susu atau makanan ke rumah pihak perempuan untuk makan bersama. Selain itu, lelaki yang ditunangkan dibawa berarak menggunakan gajah manakala masyarakat yang tinggal di bandar diarak menggunakan beca. Majlis Khatam Qur'an turut dilakukan bagi pasangan yang akan berkahwin. Pada waktu menyambut pengantin, pasangan pengantin perlu membasuh kaki terlebih dahulu di dalam talam yang berisi air sebelum dibenarkan masuk ke dalam rumah. Pengantin juga tidak dibenarkan memijak tanah sebelum adat membasuh kaki di dalam talam yang berisi air dilakukan. Pengantin perempuan kemudiannya dibawa ke rumah pengantin lelaki bersama-sama seorang teman.

Sebelum majlis perkahwinan berlangsung penduduk bergotong-royong mendirikan balai, bangsal memasak atau dikenali sebagai kedehok oleh masyarakat Perlis, dikumpulkan kayu api dan sebagainya. Sebelum berlangsungnya majlis perkahwinan keesokan harinya, diadakan malam berinai dan turut dihiburkan dengan persembahan tarian tarinai. Pada siang harinya diadakan permainan berduat, iaitu seramai dua belas orang akan duduk di atas balai sambil menyanyi. Tujuannya untuk menghiburkan penduduk yang datang membantu. Selain itu, permainan

berduat ini juga bertujuan memberitahu penduduk bahawa ada majlis perkahwinan yang akan berlangsung. Turut juga diadakan gendang gerin dan hadrah. Gendang gerin didendangkan dari pagi sehingga ke petang, manakala permainan berduat didendangkan selepas sembahyang Isyak.<sup>22</sup>

Masyarakat Perlis juga mengamalkan makan besan<sup>23</sup> yakni keluarga pada pihak lelaki makan di rumah pengantin perempuan jika kenduri dibuat pada pihak pengantin perempuan terlebih dahulu begitu juga sebaliknya. Masyarakat Perlis pada masa dahulu turut mengamalkan makan besan yakni satu hidangan dikongsi oleh empat orang tetamu dan setiap seorang perlu membayar satu ringgit bagi hidangan yang disajikan.<sup>24</sup> Duit ini dianggap sebagai derma kepada tuan rumah kerana menjamu mereka. Makan besan ini dilakukan ketika pengantin lelaki pergi menyambut pengantin perempuan.

Terdapat tiga cara yang boleh digunakan ketika pergi menyambut pengantin perempuan, iaitu dengan menggunakan gajah, pengusung atau berjalan kaki. Rombongan pengantin lelaki ke rumah pengantin perempuan didahului dengan pasukan hadrah. Apabila tiba di depan rumah pengantin perempuan, mereka disambut dengan pertunjukan silat. Kemudian beras kunyit ditabur dan rombongan pengantin lelaki dipanggil naik ke rumah. Selepas itu, diadakan majlis persandingan di rumah pengantin perempuan dan tarian tarinai dipersembahkan. Tarian tarinai ini dikatakan antara tarian yang paling unik di Perlis. Tarian ini ditarikan oleh seorang atau tiga orang lelaki. Mereka boleh melentokkan kepala ke belakang untuk mengutip duit syiling yang ditabur oleh para tetamu sebagai sagu hati kepada mereka. Setelah bersanding, pengantin perempuan dibawa ke rumah pengantin lelaki dengan membawa teman.<sup>25</sup>

Majlis perkahwinan dan persandingan akan diadakan pada jam lima pagi. Kemudian, pengantin lelaki akan membawa pula pengantin perempuan ke rumah pengantin lelaki.<sup>26</sup> Persiapan dalam perkahwinan dahulu kala ada perbezaannya dengan persiapan perkahwinan pada masa kini dalam masyarakat Melayu Perlis.

## **Adat Resam Kematian**

Menurut Cikgu Rejab di Perlis, apabila seseorang meninggal dunia, gendang akan dipukul sebanyak tujuh kali bagi memberitahu penduduk kampung. Kenduri arwah akan dilakukan oleh ahli keluarga si mati selama tujuh hari berturut-turut, kemudian diikuti pada hari ke-40, hari ke-100 dan hari temukak. Hari temukak ialah hari kematian si mati. Pada hari ke-40 kematian si mati, para tetamu akan dihidangkan dengan sejenis kuih yang dinamakan apam<sup>27</sup>

Menurut Pak Wan pula, kenduri arwah dilakukan pada hari kematian. Pada hari keempat diberikan tetamu yang berkunjung makan apam, begitu juga pada hari

ke-40 dan hari ke-100 kematian. Mayat akan dimandikan menggunakan sintuk, kapas, kapur barus (untuk menghilangkan bau), dan daun bidara. Seeloknya ketika mencuci najis lebih digalakkan anak lelaki atau anak perempuan untuk mencuci najis mayat tersebut. Rambut mayat perempuan kemudiannya didandan tiga. Mayat perempuan dikafarkan menggunakan telekung sembahyang dan diletakkan Surah Yassin di atas badannya. Kini, ada masyarakat yang masih berpegang pada cara ini. Menurut kepercayaan dahulu, jika perempuan yang meninggal memiliki anak yang masih kecil, disuruh anak tersebut mengintai di bawah keranda ibunya supaya si anak tidak terlalu rindu kepada ibunya. Sewaktu pengebumian, digalakkan berdiri ketika pembacaan talkin untuk menghormati si mati.<sup>28</sup> Talkin akan dibacakan setelah si mati selamat dikebumikan.<sup>29</sup> Selain itu, terdapat juga amalan membawa mayat mengelilingi rumahnya terlebih dahulu bagi mengucapkan selamat tinggal kepada rumahnya<sup>30</sup> sebelum mayat dibawa ke tanah perkuburan.

## **ADAT RESAM DALAM PEKERJAAN**

Dalam tulisan ini penulis hanya menyentuh beberapa aktiviti pekerjaan yang dilakukan oleh masyarakat Melayu Perlis. Adat resam yang dimaksudkan ialah adat resam semasa bersawah dan ketika masuk ke dalam hutan.

### **Adat Resam Bersawah**

Bagi individu yang mempunyai sawah padi, terdapat amalan masuk mengerjakan sawah pada hari-hari tertentu. Masyarakat dahulu menjaga padi sama seperti menjaga anak sendiri kerana bagi mereka padi tersebut memberikan rezeki dan menyambung kehidupan mereka. Pada peringkat permulaan penanaman, padi akan ditanam di tengah-tengah bendang dan diusahakan secara bergotong-royong. Pada zaman dahulu, terdapat kepercayaan yang dikenali sebagai semangat padi, iaitu dipercayai padi akan terus masuk ke jelapang atau rubung apabila diseru. Padi tersebut diseru selama tujuh petang berturut-turut. Selain itu, tuan padi akan mencari benang sebanyak tujuh warna untuk menyambungkan benang tersebut daripada tanah sawah hingga ke rubung sambil menyeru padi untuk balik ke rubung. Di dalam rubung tersebut diletakkan bedak, celak, sikat dan cermin kerana dipercayai semangat padi merupakan jelmaan tiga orang wanita cantik. Tuan rumah tidak boleh membenarkan orang lain untuk mengambilnya kecuali orang lelaki yang merupakan tuan rumah tersebut. Hal ini kerana masyarakat Melayu Perlis percaya jika dilihat oleh orang lain, padi tersebut akan menghilangkan diri dan selepas itu tuan rumah perlu mengerat sendiri padi tersebut untuk dibawa pulang ke rumah.<sup>31</sup>

## **Adat Resam Masuk Hutan**

Orang Melayu pada masa dahulu sering masuk ke hutan, sama ada untuk meneroka tanah baharu, mencari kayu, akar, pokok ubat-ubatan, berburu dan sebagainya. Keupayaan orang Melayu masuk ke hutan terutamanya hutan yang tebal dan tidak pernah dimasuki orang lain merupakan satu usaha yang mencabar dan perlu dibanggakan. Hal ini kerana tidak dapat nafikan bahawa tanah dusun dan sawah serta tapak kediaman yang diduduki hari ini merupakan usaha gigih orang Melayu pada masa dahulu yang sanggup meneroka dan mengusahakannya.<sup>32</sup>

Apabila seseorang masuk ke dalam hutan, individu tersebut perlu bersahut atau menyeru terlebih dulu bagi meminta keizinan untuk masuk ke dalam hutan supaya penjaga hutan dapat menjaga mereka daripada sebarang bahaya atau mengelakkan daripada tersesat. Terdapat juga segelintir orang yang menggunakan pokok sebagai penanda dengan menakek pokok tersebut dengan kapak bagi mengelakkannya tersesat apabila mencari jalan keluar. Selain itu, ada juga yang menggunakan matahari dan pucuk akar yang menjalar sebagai penanda arah bagi mengelakkan tersesat apabila berjalan di dalam hutan.<sup>33</sup>

Sebenarnya usaha untuk meneroka tanah hutan seperti ini bukanlah satu usaha yang mudah kerana berdasarkan kepercayaan orang Melayu, hutan bukan sahaja dihuni oleh pelbagai jenis hidupan liar dan binatang buas yang sangat berbahaya, tetapi juga dihuni oleh pelbagai makhluk lain yang tidak dapat dilihat oleh penglihatan manusia. Masyarakat Melayu percaya makhluk tersebut termasuklah jenis jin, jembalang, pari-pari dan mambang. Ada dalam kalangan orang Melayu percaya hutan juga dihuni penunggu dan mempunyai semangat yang “keras”.

Hantu yang menghuni hutan ini perlu ditundukkan terlebih dahulu sebelum seseorang itu dapat memasuki kawasannya. Oleh sebab itu, orang Melayu pada masa dahulu percaya bahawa seseorang yang ingin masuk ke hutan perlu membawa barang, seperti limau nipis, telur, bertih,<sup>34</sup> sirih berkapur dan kemenyan selain senjata untuk mempertahankan diri daripada serangan binatang buas. Semua bahan ini akan ditentukan kegunaannya oleh pawang yang dipanggil oleh seseorang yang ingin memasuki hutan.<sup>35</sup>

Selain keperluan tersebut, sebelum memasuki hutan, hari yang sesuai mestilah ditentukan terlebih dahulu. Hari yang dianggap sesuai untuk memasuki hutan pada hari Rabu, Khamis dan Jumaat serta dimulakan pada waktu pagi. Hari Selasa pada akhir bulan hijrah dianggap hari yang tidak sesuai dan harus dielakkan.

Terdapat pelbagai pantang larang yang harus dipatuhi oleh orang yang akan memasuki hutan. Misalnya, sebaik sahaja berjalan masuk ke hutan dan tiba-tiba dilintasi oleh ular, maka orang itu perlulah kembali semula ke rumahnya dan memakan seulas pinang yang telah dijampikan oleh pawang, kemudian barulah memulakan

perjalanananya kembali. Sebelum melangkah haruslah membaca basmalah dan memulakan dengan kaki kanan. Seseorang yang telah menuju ke hutan juga dilarang berpatah balik.

Ketika dalam perjalanan masuk ke hutan, seseorang dilarang bersiul-siul kerana perbuatan ini dikatakan akan menarik perhatian binatang buas yang sudah pasti akan mengganggu dan sangat berbahaya.<sup>36</sup> Selain itu, mereka turut dilarang bertempik dan bercakap dengan suara yang kuat kerana dipercayai akan didengari oleh penghuni hutan, dan ada kalanya pula dikatakan akan disahut oleh penghuni ini menyebabkan mereka akan tersesat.

Perbuatan menyebut nama binatang buas dan sebagainya juga dilarang ketika berada di dalam hutan kerana apabila nama binatang itu disebut akan membawa makna seolah-olah memanggilnya. Begitu juga dengan tindakan memperkecilkan binatang buas seperti mengatakan tidak takut pada harimau juga dilarang kerana dibimbangi haiwan tersebut akan datang mengganggu.

Bagi orang yang masuk ke hutan untuk berburu pula, seseorang itu dilarang daripada berpecah dengan rakannya yang lain. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku, seperti tertembak rakan sendiri kerana dipercayai jembalang akan menyerupai rakan sendiri dan wajah rakan itu pula menyerupai binatang buruan.<sup>37</sup>

## KONSEP ‘URUF DALAM ISLAM

Adat dalam pengertian yang luas kepada orang Melayu meliputi keseluruhan tradisi budaya yang diwarisi. Usaha menjaga dan mempertahankan tradisi adat merupakan tanggungjawab semua anggota masyarakat. Mempertahankan adat bermakna mereka mempertahankan identiti budaya yang diwarisi sekian lama. Kebiasaan amalan atau adat yang telah disepakati oleh sesebuah masyarakat boleh dijadikan salah satu dalil dalam menetapkan hukum syarak. Ulama usul fiqh<sup>38</sup> membezakan antara ‘uruf dengan adat dalam membahaskan kedudukannya sebagai salah satu dalil penetapan hukum syarak.

Menurut ulama usul fiqh, adat didefinisikan sebagai suatu perbuatan yang dikerjakan secara berulang-ulang tanpa hubungan rasional. Perbuatan tersebut bersangkut paut dengan perbuatan seseorang, seperti kebiasaan seseorang ketika tidur atau makan, juga perkara yang berkaitan dengan hasil pemikiran sama ada baik mahupun buruk. ‘uruf pula ialah kebiasaan majoriti umat, baik dalam perkataan mahupun perbuatan.

Pada hakikatnya, adat merupakan sebahagian daripada ‘uruf dan ‘uruf itu lebih umum daripada adat. Adat itu merupakan ‘uruf amaliyy yang dilakukan oleh seseorang, seperti takrif yang disebutkan di atas sedangkan ‘uruf itu meliputi

*qawliyy* dan *amaliyy* dan dilakukan oleh majoriti masyarakat (“Abd al-Hamid Abu al-Makarim Isma“il, t.t.: 388389). Walau bagaimanapun majoriti *usuliyyun*<sup>39</sup> berpendapat bahawa ‘*uruf* dan adat itu merupakan dua istilah yang merujuk makna yang sama. Walaupun terdapat *usuliyyun* yang menggunakan kedua-dua istilah tersebut, namun tujuannya untuk memperkuat maksud yang mereka kehendaki, bukan bertujuan untuk membezakan pengertian antara kedua-duanya atau seperti yang dikatakan oleh ulama usul fiqh *li al-ta’kid la li alta’sis* (Abd al-Karim Zaydan,1987: 282).

## PEMBAHAGIAN ‘URUF

‘*Uruf* dapat dibahagikan kepada beberapa jenis berdasarkan kriteria yang berbeza. Dari segi sumber atau tempat berlakunya, ‘*uruf* terbahagi kepada dua jenis, iaitu ‘*uruf lafzi* yang juga dikenali sebagai ‘*uruf qauli* dan ‘*uruf amali*. ‘*Uruf lafzi* ialah lafadz atau ungkapan yang biasa digunakan oleh sesebuah masyarakat untuk mengungkap sesuatu perkara sehingga makna ungkapan itu telah yang difahami oleh masyarakat tersebut, misalnya, ungkapan daging yang diertikan daging lembu; pada hal erti “daging” mencakupi seluruh jenis daging yang ada. ‘*uruf amali* ialah kebiasaan masyarakat yang berkaitan dengan perbuatan biasa. Perkara dimaksudkan dengan perbuatan biasa ialah perbuatan masyarakat sewaktu menangani masalah kehidupan mereka yang tidak terkait dengan kepentingan orang lain. Contohnya, kebiasaan masyarakat tertentu memakan makanan khusus atau meminum minuman tertentu atau kebiasaan masyarakat dalam memakai pakaian tertentu dalam acara tertentu. Misalnya, kebiasaan orang Melayu berbaju Melayu atau baju kebangsaan semasa menyambut dua hari raya.

Dari segi cakupannya pula, ‘*uruf* dapat dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu ‘*uruf ‘am* dan ‘*uruf khas*. ‘*uruf ‘am* ialah kebiasaan tertentu yang berlaku secara luas pada seluruh masyarakat dan daerah. Contohnya sewaktu jual beli sesebuah rumah, seluruh binaan dan alat yang diperlukan untuk membina rumah seperti pagar, kunci rumah termasuk dalam harga jual tanpa akad tersendiri. ‘*Uruf khas* ialah kebiasaan yang berlaku di daerah tertentu dan masyarakat tertentu. Contohnya kebiasaan yang berlaku dalam kalangan para peniaga apabila terdapat kecacatan tertentu terhadap barang yang dijual, maka barang itu boleh dikembalikan. Namun untuk cacat lain yang ada dalam barang yang sama, pelanggan tidak boleh mengembalikan barang tersebut.

Dari segi keabsahannya dalam pandangan syarak, ‘*uruf* terbahagi kepada dua, iaitu ‘*uruf sahih* dan ‘*uruf fasid*. ‘*Uuf sahih* ialah kebiasaan yang berlaku dalam masyarakat yang tidak bertentangan dengan nas syarak, tidak menghilangkan kemaslahatan, dan tidak pula membawa kemudarat. Dalam masa pertunangan, misalnya, pihak lelaki memberikan hadiah kepada tunangnya, tetapi hadiah itu tidak dianggap sebagai mahar. ‘*Uruf fasid* pula merupakan kebiasaan manusia, seperti

menghalalkan riba yang jelas merosakkan masyarakat dalam konteks muamalah Islam. Ulama usul fiqh telah bersepakat bahawa ‘uruf yang tidak bertentangan dengan syarak, sama ada ‘uruf ‘am mahupun ‘uruf khas, atau ‘uruf lafzi mahupun ‘uruf amali kesemuanya dapat dijadikan hujah sewaktu menetapkan hukum syarak.

Berdasarkan pelbagai ‘uruf yang dijelaskan di atas, para ulama usul fiqh kemudiannya membuat kaedah fiqh tertentu. Antaranya yang paling utama dan asas dalam hal ini ialah *al-‘adah muhakkamah* (kebiasaan itu biasanya menjadi landasan atau hukum atau ada juga yang menterjemahkannya secara mudah menjadi adat yang baik), *la yunkaru tagayyur al-ahkam bi tagayyur al-azminah wa al-amkinah* (tidak diingkari perubahan hukum disebabkan perubahan zaman dan tempat.), *al-ma’ruf urfan ka almasyrut syartan* (hukum sesuatu yang diketahui sebagai ‘uruf sama seperti hukum sesuatu yang disyaratkan sebagai syarat), dan *as-sabit bi al-‘urf ka as-sabit bi an-nas* (hukum yang sabit dengan ‘uruf sama seperti hukum yang ditetapkan melalui nas ayat al-Quran atau hadis).

Suatu ‘uruf dapat dijadikan sebagai salah satu dalil dalam menetapkan hukum syarak apabila memenuhi syarat seperti yang berikut;

- (1) ‘Uruf yang bersifat khusus dan umum mahupun yang bersifat perbuatan dan ucapan mestilah berlaku dan diperakui oleh sesebuah masyarakat.
- (2) ‘Uruf akan dijadikan sandaran hukum terhadap sesuatu perkara yang berlaku terlebih dahulu atau sebelum kes terjadi hukuman terhadapnya telah ditetapkan hukum terhadapnya. Berdasarkan hal ini, ulama usul fiqh membuat kaedah sebagaimana berikut ““uruf yang datang kemudian tidak dapat dijadikan sandaran hukum terhadap kes yang telah lama””.
- (3) ‘Uruf tersebut tidak bertentangan dengan yang diungkapkan secara jelas. Contohnya dalam suatu transaksi antara penjual dengan pembeli telah diungkapkan suatu kesepakatan secara jelas bahawa barang yang dibeli akan dibawa sendiri oleh pembeli ke rumahnya. Padahal ‘uruf yang berlaku ialah barang dibeli akan dihantarkan penjualnya ke rumah pembeli. Terdapat pertentangan antara ‘uruf dengan yang diungkapkan secara jelas; maka ‘uruf itu tidak berlaku lagi.
- (4) ‘Uruf diterima apabila tidak ada nas yang mengandungi hukum terhadap permasalahan yang dihadapi. Ertinya, apabila suatu permasalahan sudah ada nasnya, maka ‘uruf itu tidak boleh dijadikan dalil syarak.

‘Uruf yang berlaku di tengah-tengah masyarakat adakalanya bertentangan dengan nas dan dalil syarak lainnya. Berkaitan dengan persoalan tersebut, al-Imam Sayuti (t.t:102-109) sebagai contoh telah mengariskan beberapa panduan seperti yang berikut:

1. Adat hanya diterima pakai selagi masih dipakai.
2. Mana-mana kes pertentangan antara amalan adat dengan salah satu doktrin syariah maka akan diselesaikan dengan mengutamakan syariah setelah tiada hukum yang jelas berhubung dengan permasalahan yang timbul.
3. Mana-mana kes pertentangan antara amalan adat dan syariah akan diselesaikan dengan mengutamakan peraturan syariah sekiranya ada hukum yang jelas mengenai persoalan yang timbul.
4. Antara adat yang am dengan khas, yang khas hanya akan menjadi sah sekiranya tidak ditentukan kepada sesuatu perkara yang berlaku secara terhad sahaja.
5. Hanya adat akan dipakai untuk perkara tertentu apabila peruntukan syariah bersifat umum dan tidak menunjukkan apa-apa doktrin undang-undang dan tidak pula mencadangkan apa-apa definisi khas mengenainya.

Perbahasan yang telah diutarakan oleh ulama untuk menjadikan ‘*uruf* sebagai salah satu perkara yang dijadikan sandaran dalam hukum syarak, kesimpulan yang dapat dibuat ialah perkara ini dibolehkan. Adat resam yang diamalkan secara turun-temurun oleh masyarakat setempat boleh diangkat menjadi hukum syarak jika tidak ada nas atau dalil berkenaan hal yang bakal diangkat menjadi hukum tersebut. Hal ini membuktikan bahawa Islam tidak menidakkan cara hidup sesuatu masyarakat dalam sesetengah perkara yang diamalkan oleh mereka sehingga diperakui untuk dijadikan hukum syarak.

## **ANALISIS KONSEP ‘URUF DAN HUBUNGANNYA DENGAN KELESTARIAN WARISAN ADAT ISTIADAT MASYARAKAT MELAYU PERLIS**

Tinjauan dari perspektif konsep ‘*uruf*, adat resam Melayu Perlis termasuk dalam beberapa kategori ‘*uruf* terutamanya ‘*uruf qawliyy*, ‘*uruf ‘amaliyy*, ‘*uruf sahih* dan ‘*uruffasid*. Analisis ini bagaimanapun akan hanya memberikan fokus pada klasifikasi ‘*uruf* dari segi keabsahannya, iaitu ‘*uruf sahih* dan ‘*uruffasid*. Dalam konteks adat resam masyarakat Melayu Perlis seperti yang dibincangkan pada awal makalah ini, terdapat beberapa pola yang boleh diperhatikan bagi mengkaji dan memahami kedudukan setiap adat resam tersebut dalam skema keabsahan ‘*uruf* dalam Islam. Secara umumnya, pola pemikiran tentang adat istiadat Melayu ini boleh dibahagikan seperti yang berikut:

### **(1) Kepercayaan bahawa perkara tertentu boleh menentukan kejadian tertentu atau nasib baik buruk pada masa hadapan.**

Adat istiadat yang berteraskan kepercayaan seperti ini sudah tentu bercanggah dengan doktrin tauhid yang merupakan kata kunci utama yang membezakan

akidah Islam daripada kepercayaan lain. Akidah tauhid dalam Islam bukan sahaja menekankan tentang keesaan zat Allah, tetapi juga keesaan perbuatan (*af'al*), sifat dan nama Allah.<sup>40</sup> Oleh itu, fahaman bahawa makhluk lain boleh dengan kuasanya sendiri atau tabiatnya menyebabkan berlaku perkara yang lain bercanggah dengan tuntutan tauhid Allah dari segi perbuatan (*af'al*). Akidah tauhid menuntut keyakinan penuh bahawa hanya Allah SWT yang berkuasa menentukan setiap sesuatu yang berlaku di alam ini. Hubungan antara sesuatu kejadian dengan sesuatu kejadian yang lain tidak lebih daripada hubungan sebab dan musabab sahaja mengikut kehendak *law of nature*, seperti yang dikehendaki oleh Allah SWT. Malah Allah SWT berkuasa mengenepikan hukum sebab dan musabab itu jika Dia mengkehendakinya.<sup>41</sup> Sebarang kepercayaan bahawa sesuatu kejadian atau petanda itu berkuasa dengan sendirinya dan secara pastinya akan menyebabkan berlaku satu kejadian yang lain tanpa diikat dengan kuasa, kehendak dan keizinan Allah SWT, sudah tentulah terkeluar daripada skema doktrin tauhid dalam Islam.<sup>42</sup> Dalam konteks inilah, maka beberapa kepercayaan dan amalan yang dipegang oleh masyarakat Melayu Perlis dilihat mempunyai masalah dari segi akidah.

Kepercayaan bahawa si suami perlu menanam tali pusat bayinya supaya tidak dikorek keluar oleh haiwan liar yang boleh menyebabkan anak tersebut akan menjadi bisu agak terkeluar daripada parameter akidah tauhid Islam, seperti yang dibincangkan di atas. Soalnya apakah hubungan antara tali pusat yang tidak ditanam dengan bayi menjadi bisu? Dari segi perbahasan usuluddin, kepercayaan ini bukan sahaja boleh dianggap bodoh dan kolot kerana bercanggah dengan logik hukum adat malah boleh menjerumuskan seseorang ke arah kesyirikan terhadap Allah kerana mempercayai ada makhluk lain selain Allah yang berkuasa menentukan sesuatu perkara. Kepercayaan bahawa tali pusat itu perlu ditanam bersama-sama dengan paku dan dibakar unggun api pada malam hari selama tujuh malam berturut-turut juga merupakan satu kepercayaan mempunyai unsur khurafat yang tidak boleh diterima dalam syariat Islam. Hal yang sama juga boleh dikatakan dalam adat dan kepercayaan tentang semangat padi yang jika tidak diikuti peraturannya maka padi akan menghilangkan diri. Begitu juga halnya dalam konteks adat dan kepercayaan tentang memasuki hutan apabila dilintasi oleh ular, maka perlulah kembali semula ke rumah dan memakan seulas pinang yang telah dijampikan oleh pawang dan begitu juga kepercayaan tentang semangat hutan dan penunggunya yang “keras”.

## **(2) Jampi seraph yang mengandungi pemujaan kepada datuk nenek, hantu, syaitan dan jin.**

Sehubungan dengan doktrin tauhid tentang kekuasaan Allah SWT secara mutlak terhadap segala kejadian di alam ini, maka umat Islam dituntut untuk memohon

segala sesuatu daripada dan terus kepada Allah SWT tanpa perantaraan melalui apa-apa atau sesiapa sahaja. Jika melalui perantaraan dalam memohon kepada Allah SWT telah dilarang, bermakna memohon terus kepada selain daripada Allah SWT lebih keras lagi larangannya kerana merupakan penafian secara langsung terhadap doktrin kekuasaan mutlak Allah SWT.<sup>43</sup> Pemohon tersebut seolah-olah mempercayai bahawa terdapat yang lain selain Allah SWT yang mampu menunaikan hajatnya dan ini boleh menjerumuskan individu tersebut ke lembah syirik yang sangat berbahaya. Dalam konteks ini, maka adat resam “mandi tian” atau “mandi perut” yang menuntut agar bidan menggolek-golekkan kelapa yang dikupas licin di atas perut si ibu sambil membaca doa mantera terpesong daripada skema akidah Islam khususnya jika doa mantera itu mengandungi pemujaan kepada selain Allah SWT bagi mencapai hajatnya. Amalan ini bermasalah menurut perspektif akidah Islam khususnya dari dua aspek penting. Pertama, berdoa kepada selain Allah. Al-Quran dan hadis Rasulullah SAW melarang amalan meminta sesuatu secara berdoa kepada yang selain Allah. Malah berdoa kepada selain Allah ditafsirkan oleh para ahli tafsir sebagai seerti dengan beribadat kepada makhluk selain Allah.<sup>44</sup>

Kedua, berdoa atau berjampi dengan kalimah selain daripada Allah atau sifat-Nya atau ayat-ayat-Nya atau perkataan yang tidak difahami. Para ulama Islam berdasarkan hadis Rasulullah SAW melarang amalan berjampi atau berdoa dengan sesuatu perkataan yang selain Allah atau ayat al-Quran atau hadis atau bahasa yang difahami dan mempunyai unsur syirik.<sup>45</sup>

Hal yang sama juga boleh dikatakan terhadap adat resam memasuki hutan dalam masyarakat Melayu yang mengajarkan agar apabila seseorang masuk ke dalam hutan, individu tersebut perlu bersahut atau menyeru terlebih dulu bagi meminta keizinan untuk masuk ke dalam hutan supaya penjaga hutan dapat menjaga mereka daripada sebarang bahaya atau mengelakkan daripada tersesat merupakan adat resam yang terpesong daripada tuntutan akidah Islam.

### **(3) Perbuatan tertentu yang meniru amalan keagamaan dan kepercayaan orang kafir.**

Umat Islam telah diberikan oleh Allah SWT dengan al-Quran dan hadis sebagai sumber rujukan untuk mengajarkan mereka tentang agama mereka. Dalam hal ini termasuklah aspek yang berkaitan pengibadatan, kepercayaan, akhlak dan sistem hidup yang menyeluruh. Mereka sama sekali dilarang daripada mengikuti dan menyerupai orang kafir, lebih-lebih lagi dalam hal yang berkaitan dengan ibadat dan akidah.<sup>46</sup> Meniru dan mengikut orang kafir dalam hal pengibadatan dan akidah ini boleh menyebabkan seseorang Islam itu dikira sebagai sebahagian daripada golongan

kafir itu sendiri.<sup>47</sup> Dalam hal ini, terdapat juga adat resam Melayu yang diamalkan turun-temurun yang boleh dilihat menyamai, sekalipun tidak meniru secara langsung amalan orang kafir. Amalan “mandi tian” yang disempurnakan oleh bidan kampung dengan mencucuh sebatang lilin untuk dijampi mungkin jika tidak berhati-hati akan terjatuh dalam kategori ini. Hal ini dikatakan demikian kerana upacara peribadatan dalam agama lain sering menggunakan lilin atau unggun api untuk tujuan dan upacara tertentu. Tidaklah bermakna bahawa orang Islam tidak boleh menggunakan lilin atau unggun api dalam kehidupan mereka, tetapi penggunaan lilin dan unggun api dalam upacara jampi serapah boleh dikatakan menghampiri amalan golongan kafir.

Ketiga-tiga pola pemikiran dalam pengamalan adat resam Melayu, seperti yang telah dibincangkan, tentulah termasuk dalam klasifikasi adat atau ‘*uruf* yang *fasid* dalam skema kedudukan ‘*uruf* menurut Islam. Selain itu, terdapat pola yang lain dalam kepercayaan dan amalan adat resam Melayu yang tidak termasuk dalam mana-mana bahagian di atas.

**(4) Amalan yang dibuat sebagai satu usaha untuk menyembuhkan penyakit, menyuburkan tanaman, menakutkan haiwan buas dan sebagainya berdasarkan pengalaman masyarakat silam tanpa dicampuradukkan dengan kepercayaan yang salah.**

Islam sentiasa menggalakkan umatnya berusaha menggunakan pancaindera dan kebijaksanaan mereka bagi mempelajari dan memahami perjalanan *law of nature* untuk tujuan kebaikan mereka di dunia dan akhirat.<sup>48</sup> Berdasarkan galakan inilah lahirnya sarjana Islam dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan sehingga memungkinkan Islam muncul sebagai agama yang telah banyak menyumbangkan ilmu pengetahuan dalam ketamadunan dunia termasuklah bidang perubatan, teknologi dan sebagainya. Keupayaan cerdik pandai Islam memahami dan memanfaatkan peraturan dan isyarat alam melalui penyelidikan, penelitian serta pengalaman yang telah mereka lalui zaman-berzaman. Dalam konteks ini, amalan adat resam Melayu yang berteraskan kajian, pemerhatian dan pengalaman mereka dalam usaha menjamin kehidupan yang baik dan tenteram tanpa dicampuradukkan dengan kepercayaan karut dan khurafat serta amalan yang terlarang merupakan sesuatu yang dibenarkan. Secara kasarnya, terdapat beberapa adat resam Melayu Perlis, seperti yang dibincangkan, termasuk dalam pola ini.

- a) Dalam adat sebelum kelahiran umpamanya, amalan melenggang perut yang bertujuan membetulkan kedudukan anak dalam kandungan ibu yang hamil supaya memudahkan proses melahirkan anak merupakan sesuatu yang tidak mempunyai apa-apa masalah dari segi akidah maupun skema hukum

syarak. Jika tidak disertai dengan kepercayaan yang karut-marut dan tidak melibatkan pendedahan aurat dan tidak dipertontonkan kepada yang bukan mahram, maka amalan ini tidak ada bezanya dengan amalan wanita hamil zaman moden yang melakukan senaman harian yang tertentu bagi menjamin kesihatan si ibu dan anak dalam kandungan, seperti yang sering dinasihat oleh doktor moden hari ini.

- b) Begitu juga amalan “bediang” yang telah dipraktikkan secara menyeluruh oleh masyarakat Melayu di bandar maupun di kampung di Perlis. Amalan “bediang” ini merupakan satu proses mengasap atau memberikan haba kepada ibu yang mengandung supaya tidak sejuk dan dipercayai keadaan ini memudahkan si ibu ketika bersalin selain bertujuan untuk mengembalikan urat saraf si ibu yang mengandung kepada keadaan biasa. Hal yang sama juga boleh dikatakan kepada adat resam selepas bersalin, iaitu wanita tersebut perlu berbekam dengan melumurkan minyak ke seluruh bahagian badan, menyanggulkan rambut dan memakai ketang di dada selama 40 hari bagi mengelakkannya daripada kesejukan. Terdapat juga makanan yang boleh dimakan dan yang tidak boleh dimakan. Antara makanan yang tidak boleh dimakan ketika dalam pantang ialah makanan yang berkuah, daging dan ikan goreng, manakala makanan yang boleh dimakan ketika berpantang ialah nasi, ikan kering dan ikan bakar. Sama ada amalan dan pantang larang ini benar-benar memberi kesan, seperti yang dikehendaki bukanlah persoalan akidah maupun hukum-hakam. Masyarakat silam hanya mengamalkan apa-apa yang mereka ketahui berdasarkan penelitian dan pengalaman mereka semasa itu sama seperti nasihat doktor zaman ini yang memberikan nasihat tentang amalan dan pemakanan sihat kepada wanita yang baru bersalin mengikut kajian dan pengetahuan saintifik mereka.
- c) Selain itu, adat resam memasuki hutan, seperti dilarang bersiul-siul kerana perbuatan ini dikatakan akan menarik perhatian binatang buas yang sudah pasti akan mengganggu dan sangat berbahaya, menggunakan pokok sebagai penanda dengan menakek pokok tersebut dengan kapak bagi mengelakkan sesat apabila mencari jalan keluar, menggunakan matahari dan pucuk akar yang menjalar sebagai penanda arah bagi mengelakkan sesat apabila berjalan di dalam hutan merupakan perkara yang terhasil daripada kepakaran dan pengalaman masyarakat silam yang sangat bernilai yang sangat baik dipelajari oleh masyarakat moden hari ini. Dalam hal ini, bukan sahaja amalan ini tidak bercanggah dengan akidah dan hukum syarak, malah barangkali termasuk dalam kategori ilmu pengetahuan yang menjadi fardu kifayah untuk dipelajari

oleh umat Islam. Begitu juga kepercayaan bahawa hutan bukan sahaja dihuni oleh pelbagai jenis hidupan liar dan buas yang sangat berbahaya tetapi juga dihuni oleh pelbagai makhluk lain yang tidak dapat dilihat oleh penglihatan manusia. Masyarakat Melayu percaya makhluk tersebut adalah seperti jenis jin, jembang, pari-pari dan mambang. Kepercayaan ini tidak jauh dari kenyataan al-Qur'an dan al-hadis sendiri yang mengiktiraf kewujudan makhluk lain selain daripada manusia dan mereka mempunyai ciri-ciri, sifat, tempat tinggal, makanan dan sistem pergaulan sesama mereka yang tersendiri dan tidak difahami oleh manusia biasa.<sup>49</sup> Dengan itu Islam sendiri menganjurkan beberapa pantang larang dan memerintahkan umatnya agar berhati-hati supaya tidak menyakiti makhluk tersebut, seperti larangan yang dibuat oleh Rasulullah SAW daripada menggunakan tulang haiwan sebagai alat istinja' kerana tulang merupakan makanan makhluk ghaib khususnya jin.<sup>50</sup>

#### **(5) Amalan yang dibuat bagi menunjukkan rasa gembira sempena sesuatu yang baik.**

Islam sebagai agama fitrah bermakna agama yang diturunkan oleh Allah SWT ini sesuai dengan fitrah manusia itu sendiri, malah fitrah atau naluri asal manusia itu juga sesuai dengan ajaran Islam. Islam mengiktiraf fitrah dan naluri asal manusia yang murni, seperti keperluan kepada makanan dan minuman untuk kesihatan fizikal, makanan dan minuman untuk kesihatan spiritual, kewujudan perasaan sedih gembira, suka duka, keperluan kepada hiburan dan sebagainya.<sup>51</sup> Dalam hal ini terdapat banyak bukti bahawa Islam membenarkan umatnya menganjurkan aktiviti tertentu untuk berhibur sempena menyambut peristiwa atau waktu yang besar dan penting dalam kehidupan mereka selagi aktiviti tersebut terpelihara daripada unsur yang terlarang dari segi akidah dan hukum-hakam.<sup>52</sup>

Dalam konteks inilah adat resam perkahwinan dalam masyarakat Melayu, seperti yang telah dibincangkan, perlu dilihat. Umpamanya, adat sebelum berlangsungnya majlis perkahwinan dengan diadakan malam berinai dan turut dihiburkan dengan persembahan tarian tarinai. Pada siang harinya diadakan permainan berduat, iaitu seramai dua belas orang akan duduk di atas balai sambil menyanyi yang bertujuan untuk menghiburkan penduduk yang datang membantu. Selain itu, permainan berduat ini juga bertujuan memberitahu penduduk bahawa ada majlis perkahwinan yang akan berlangsung. Selain itu, diadakan persembahan gendang gerin dan hadrah. Gendang gerin didendangkan dari pagi sehingga ke petang. Permainan berduat pula didendangkan selepas sembahyang Isyak. Begitu juga adat dalam menyambut pengantin dengan menggunakan gajah, pengusung atau berjalan kaki. Rombongan

pengantin lelaki ke rumah pengantin perempuan didahului dengan pasukan hadrah. Apabila tiba di hadapan rumah pengantin perempuan, mereka disambut dengan pertunjukan silat. Beras kunyit ditabur dan rombongan pengantin lelaki dijemput naik ke rumah. Selepas itu diadakan majlis persandingan di rumah pengantin perempuan dan tarian tarinai dipersembahkan. Tarian tarinai ini dikatakan antara tarian yang paling unik di Perlis. Tarian ini ditarikan oleh seorang atau tiga orang lelaki sehingga boleh melentokkan kepala ke belakang untuk mengutip duit syiling yang ditabur oleh para tetamu sebagai sagu hati kepada mereka. Jika semua adat ini dilakukan dalam keadaan yang terpelihara daripada unsur yang diharamkan oleh Islam sama ada dari segi kepercayaan atau aktiviti fizikalnya, maka aktiviti hiburan ini dibenarkan dan adat yang diiktiraf.

Malah adat yang dilakukan sebelum majlis perkahwinan berlangsung, iaitu penduduk bergotong-royong mendirikan balai, bangsal memasak atau dikenali sebagai kedehok oleh masyarakat Perlis, dikumpulkan kayu api dan sebagainya bukan sahaja tidak bercanggah dengan hukum syarak malah sangat dituntut oleh Islam untuk saling bantu-membantu kearah kebaikan.<sup>53</sup> Adat ini sepatutnya terus dikekalkan dan dipertahankan. Semangat ini dilihat semakin hari semakin terhakis. Semangat kekitaan dan bergotong-royong sebaliknya digantikan dengan semangat keakuan dan mementingkan diri sendiri.

Perbincangan tentang warisan adat resam masyarakat Melayu Perlis perlu didasari dengan kenyataan bahawa masyarakat Melayu beragama Islam. Perbincangan sesebuah komuniti muslim secara tidak langsung perlu disandarkan kepada hukum syarak. Sekalipun sesebuah komuniti tersebut jahil dari sudut praktikalnya tetapi mereka tetap muslim. Hal ini turut diakui terjadi kepada masyarakat Melayu yang beragama Islam pada suatu ketika dahulu. Kepercayaan dan warisan adat resam ini sedikit sebanyak terhakis disebabkan pengetahuan masyarakat Melayu mengenai agama Islam pada ketika ini semakin mendalam berbanding suatu ketika dahulu. Hal ini turut disokong oleh Mohd Taib Osman pandangan sarjana Barat seperti Snouck Hurgronje, Sir Richard Winstedt dan J.C van Leur mengenai gambaran penerimaan Islam di Nusantara. Menurut sarjana Barat tersebut Islam diterima secara meluas ajarannya di seluruh pelosok Nusantara tetapi tidak secara mendalam.<sup>54</sup>

Ajaran Islam suatu ketika dahulu tidak diamalkan dengan mendalam bahkan jika diamalkan sekalipun bercampur aduk dengan adat warisan dan kepercayaan yang mereka warisi secara turun-temurun sebelum mereka memeluk agama Islam. Sesetengah kepercayaan tersebut tidak mudah disingkirkan daripada pemikiran orang Melayu walaupun dengan kedatangan dan penerimaan mereka terhadap agama Islam. Malahan, kadang-kadang kepercayaan warisan itu disesuaikan pula dengan kehendak Islam, misalnya dengan menyertakan ayat al-Quran dalam amalan yang berkaitan, seperti dalam jampi serapah.<sup>55</sup> Kepercayaan warisan dan amalan

yang berkaitan tetap mempengaruhi kehidupan orang Melayu terutamanya semasa usaha mereka menjaga keselamatan dan menguasai alam sekitar.<sup>56</sup> Kepercayaan terhadap penunggu misalnya yang dipercayai boleh memberikan kemudaratannya kepada manusia sudah tentu bertentangan dengan ajaran Islam dan menyebabkan terpesongnya akidah mereka.

Namun demikian, orang Melayu yang berpegang pada kepercayaan warisan dan amalan yang berkaitan tetap menyedari hakikat bahawa mereka juga berpegang kuat dengan agama Islam. Cuma, mereka meletakkan kepercayaan warisan itu dalam rangka Islam, iaitu tidak terpisah atau terasing daripada tuntutan Islam. Misalnya kepercayaan kepada makhluk halus, misalnya, masih dianggap tertakluk kepada kosmos Islam. Mereka tetap berpendapat bahawa amalan yang dilakukan itu tidak memisahkan mereka daripada orang Islam yang lain.

## KESIMPULAN

Adat warisan yang diamalkan dalam kehidupan masyarakat Melayu secara turun-temurun ini perlu dipelihara supaya khazanah warisannya kekal. Namun begitu adat warisan yang diamalkan tidak dapat membatalkan hukum-hakam yang telah ditetapkan oleh syarak. Walaupun terdapat pepatah Melayu yang menyatakan “biar mati anak jangan mati adat” namun syariat yang merupakan undang-undang atau perlembagaan hidup masyarakat Melayu khasnya masyarakat Melayu Perlis perlu diberikan keutamaan kerana kedudukannya mengatasi adat resam yang telah diamalkan.

Kelestarian adat resam warisan masyarakat Melayu Perlis hanya berlaku apabila adat resam tersebut tidak bertentangan dengan syarak. Malah Islam telah mengiktiraf adat resam dalam masyarakat Melayu Perlis dan boleh diangkat menjadi hukum yang diguna pakai di sisi syariat sekiranya menepati syarat sesuatu ‘urf sebagaimana yang telah dibincangkan oleh ulama usul fiqh.

## NOTA

<sup>1</sup> Noresah Baharom, *Kamus Dewan*, h.7.

<sup>2</sup> Noresah Baharom, *Kamus Dewan*, h.7.

<sup>3</sup> Machita Othman , “Adat Melenggang Perut Di Kalangan Masyarakat Melayu” dalam *Jurnal Warisan Indera Kayangan*, Bil. 5, h.16.

<sup>4</sup> Sintuk ialah sejenis tumbuhan yang mana kulit batangnya boleh dibuat ubat dan digunakan untuk mandi mayat.

<sup>5</sup> Temu bual dengan Rejab F.I pada 27 November 2008 di kediamannya di Repoh, Kangar Perlis dari jam 10-12 pm.

<sup>6</sup> *Ibid*

- <sup>7</sup> Temu bual dengan Rejab F.I .
- <sup>8</sup> Temu bual dengan Timah bt Matt pada 25 Januari 2009 di kediamannya di Chuping dari jam 11-1130 am.
- <sup>9</sup> Mokhtar A.K, "Bediang-Amalan Tradisional Zaman Sebelum Merdeka" dalam *Jurnal Warisan Indera Kayangan*, Bil.17, hlm. 51-53.
- <sup>10</sup> Temu bual dengan Askarali pada 25 Januari 2009 di kediamannya di Chuping dari jam 9-11 am.
- <sup>11</sup> Temu bual dengan Rejab F.I
- <sup>12</sup> Temu bual dengan Muhammad bin Haji Harun pada 21 Oktober 2008 di pejabatnya di Perbadanan Perpustakaan Awam Perlis dari jam 11-12pm.
- <sup>13</sup> Ketang ialah sejenis ikatan tali atau lilitan tali pinggang yang ketat dan sempit.
- <sup>14</sup> Bendul ialah kayu atau balak yang melintang di bawah pintu.
- <sup>15</sup> Temu bual dengan Wan Khazim Wan Din pada 27 November 2008di kediamannya di Chuping dari jam 12.30 hingga 1.30.
- <sup>16</sup> *Ibid.*
- <sup>17</sup> *Ibid.*
- <sup>18</sup> Temu bual dengan Timah Bt Matt.
- <sup>19</sup> Temu bual dengan Rejab F.I.
- <sup>20</sup> Temu bual dengan Wan Khazim.
- <sup>21</sup> Temu bual dengan Rejab F.I.
- <sup>22</sup> Temu bual dengan Rejab F.I.
- <sup>23</sup> Besan ialah hubungan yang terjalin antara ibu bapa mentua dengan ibu bapa sendiri.
- <sup>24</sup> Temu bual dengan Wan Khazim.
- <sup>25</sup> Temu bual dengan Rejab F.I.
- <sup>26</sup> Temu bual dengan Timah Bt Matt.
- <sup>27</sup> Temu bual dengan Rejab F.I.
- <sup>28</sup> Temu bual dengan Wan Khazim
- <sup>29</sup> Temu bual dengan Rejab F.I.
- <sup>30</sup> Temu bual dengan Encik Askarali.
- <sup>31</sup> Temu bual dengan Encik Askarali.
- <sup>32</sup> Nordin Saad, *Adat dan Pantang Larang Masuk Ke Hutan (Jurnal Warisan Indera Kayangan)*, Bil.12,
- <sup>33</sup> Temubual bersama Encik Askarali.
- <sup>34</sup> Bertih ialah padi yang digoreng tanpa minyak dan dibuang kulitnya.
- <sup>35</sup> *Ibid.*
- <sup>36</sup> *Ibid.*
- <sup>37</sup> *Ibid.*
- <sup>38</sup> Ilmu yang membincangkan kaedah-kaedah yang digunakan untuk mengistinbatkan hukum daripada sumbernya. Lihat Glosari Usul-Fiqh, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 8.
- <sup>39</sup> Merujuk kepada ahli-ahli feqah.
- <sup>40</sup> Muhammad al-Dasuqi, *Hasyiah al-Dasuqi 'ala Syarh Umm al-Barahin*, ms.90-91;

Ahmad Ibn Muhammad Zayn al-Fatani, Faridat al-Fara’id, ms.6-7

- <sup>41</sup> Dalam ilmu kalam atau ilmu usuluddin, perbahasan tentang perkara ini dilakukan oleh para ulama’ Islam dibawah tajuk pembahagian hukum khususnya hukum ‘adiyy/adat. Hukum adat bermaksud menetapkan hubungan antara sesuatu dengan sesuatu dari segi kewujudannya atau ketiadaannya berdasarkan adat kebiasaan dan boleh difahami secara zahir mahupun secara batin, seperti menetapkan hubungan antara api dengan membakar yang difahami secara zahir dan menetapkan hubungan antara lapar dengan tidak makan yang difahami secara batin.(Muhammad al-Dasuqi, *Hasyiah al-Dasuqi ‘ala Syarh Umm al-Barahin*, ms.38-39.)
- <sup>42</sup> Tentang hubungan antara sebab dengan musabbab atau *cause and effect* ini, para ulama’ Usuluddin membahagikan kepada empat kategori, pertama, golongan ahli falsafah *tabi’iyun* yang berpendapat bahawa sesuatu sebab (*cause*) dengan sendiri dan secara pasti boleh mewujudkan musabbab (*effect*) secara tabiinya. Golongan yang berpandangan seperti ini tiada khilaf pada kekufurannya. Kedua, golongan muktazilah yang berpendapat bahawa sesuatu sebab boleh memberikan kesan kepada kewujudan musabbabnya dengan kuasa yang telah diberikan oleh Allah kepadanya. Pandangan ini adalah salah namun majoriti ulama tidak menkafirkannya. Ketiga, golongan yang berpendapat bahawa semuanya yang berlaku adalah dengan kehendak dan kuasa Allah semata-mata tetapi semuanya wajib berlaku mengikut hukum sebab musabbab tanpa pengecualian, iaitu apabila ada sebab maka mesti ada musabbabnya dan tidak boleh bercanggah dengan hukum tersebut. Pandangan ini juga salah, namun para ulama tidak mengkafirkannya. Keempat ialah golongan yang berpendapat bahawa semuanya berlaku dengan kehendak dan kuasa Allah dan hubungan antara sebab dan musabbab itu ialah pada adat kebiasaan sahaja, namun boleh berlaku sebaliknya, iaitu wujudnya musabbab tanpa ada sebab atau wujudnya sebab tanpa berlakunya musabbab. Pandangan keempat ini ialah pandangan yang paling tebat seperti yang dipegang oleh ahli al-sunnah wa al-jamaah.(Muhammad al-Dasuqi, *Hasyiah al-Dasuqi ‘ala Syarh Umm al-Barahin*, hlm. 40-41)
- <sup>43</sup> Lihat umpamanya Surah al-Hajj,22:12
- <sup>44</sup> Lihat umpama al-Qurtubi, *al-Jami’ li Ahkam al-Qur’an*, juz.12, ms.19.
- <sup>45</sup> Al-Nawawi, *Sharh al-Nawawi*, juz.14, ms.196.
- <sup>46</sup> Al-Jadi’, al-Tabarruk, hlm. 475-76
- <sup>47</sup> Ini berdasarkan sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abu Dawud yang bermaksud “sesiapa yang menyerupai dengan sesuatu kaum, maka ia sebahagian daripada mereka”. Lihat umpamanya al-Abadi, ‘Awn al-Ma ‘bud, juz.2’, hlm. 51-52.
- <sup>48</sup> Lihat umpamanya surah al-Ghasyiah, 88:17-21; Al ‘Imran,3:90-91; al-‘Ankabut, 29:20
- <sup>49</sup> Lihat umpama surah al-Hijr, 15:26-27; al-Rahman, 55:14.
- <sup>50</sup> Lihat hadith riwayat Muslim, al-Jami’, juz.1, no.682.
- <sup>51</sup> Lihat umpamanya hadith Hanzalah al-Usayyidiyy dalam Muslim, al-Jami’, juz.13, no.303.
- <sup>52</sup> Al-Bukhari. Al-Jami’, juz.2, No.70; Muslim, al-Jami’, juz.4, no.1942;
- <sup>53</sup> Ini termasuk dalam pengertian umum ayat al-Quran yang bermaksud “hendaklah kamu tolong menolong ke arah kebaikan dan takwa dan jangan tolong menolong kearah

- kejahatan”, al-Ma’idah, 5:2 Al-Bukhari. Al-Jami’, juz.2, No.70; Muslim, al-Jami’, juz.4, no.1942;
- <sup>54</sup> Dipetik dari Mohd. Taib Osman (1988: 101). *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- <sup>55</sup> Wan Abdul Kadir Wan Yusoff (1998), “Tradisi Budaya Melayu Berteraskan Islam” dalam *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 8, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, h. 85.
- <sup>56</sup> *Ibid.*, h. 86.

## RUJUKAN

- al-Abadi`, Abu Tayyib, 1399H. ‘*Awn al-Ma’bud bi Sharh Sunan Abi Dawud*, Damsyiq: Dar al-Fikr.
- ‘Abd al-Hamid Abu al-Makarim Isma’il, (t.t.). *Al-Adillah al-Mukhtalaf Fiha wa Atharuha Fi al-Fiqh al-Islamiyy*. Kaherah: Dar al-Muslim.
- ‘Abd al-Karim Zaydan, 1987. *al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Mu’assasah al-Risalah.
- Ahmad Ibn Muhammad Zayn al-Fatani, (t.t.). *Faridat al-Fara’id fi ‘Ilm al-‘Aqa’id*. Pulau Pinang: Maktabah wa Matba‘ah Dar al-Ma‘arif.
- Al-Jadi‘, Nasir ibn ‘Abd al-Rahman ibn Muhammad, 2000. *al-Tabarruk: Anwa’uh wa Ahkamu*. al-Riyad: Maktabat al-Rushd.
- Al-Sayuti, Jalal al-Din, (t.t.). *Al-Asybah wa al-Naza’ir*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Abdullah Siddik, 1975. *Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Al-Attas, S.M. Naquib, 1972. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Buyong Adil, 1981. *Sejarah Perlis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Machita Othman, “Adat Melenggang Perut di Kalangan Masyarakat Melayu” dlm. *Jurnal Warisan Indera Kayangan* Bil. 5, 1993. Jawatankuasa Gerakan Membaca Perlis: Perbadanan Perpustakaan Negeri Perlis.
- Mohd Roselan Ab. Malek, 1993. *Salasilah Nama Tempat – Pulau Pinang & Perlis Indera Kayangan*. Selangor: Penerbit Prisma Sdn. Bhd.
- Mohd. Taib Osman, 1974. *Asas Pertumbuhan Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia.
- Mohd. Taib Osman, 1988. *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mokhtar A.K, “Bediang-Amalan Tradisional Zaman Sebelum Merdeka” dlm. *Jurnal Warisan Indera Kayangan* Bil.17, 2005. Jawatankuasa Gerakan Membaca Perlis : Perbadanan Perpustakaan Negeri Perlis.
- Muhammad al-Dasuqi, 1343H. *Hasyiah al-Dasuqi ‘ala Syarh Umm al-Barahin*. Kaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh.

- Al-Nawawi, Muhyiddin Zakaraiyya, 2003. *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*. Kaherah, Dar ibn al-Haytham.
- Nordin Saad, “Adat dan Pantang Larang Masuk ke Hutan” dlm. *Jurnal Warisan Indera Kayangan* Bil.12, 2000. Jawatankuasa Gerakan Membaca Perlis: Perbadanan Perpustakaan Negeri Perlis.
- Noresah Baharaom *et al.*, 1998. *Kamus Dewan*. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Qurtubi, Muhammad ibn Muhammad al-Ansari, 1357H. *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Kaherah: Matba'at Dar al-Kutub al-Misriyyah.
- Suraya, 1995. *Perlis Indera Kayangan*. Kuala Lumpur : Penerbitan Hartamas.
- Tanpa Pengarang, 1992. *Glosari Istilah Usul-Fiqh*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusoff, 1998. “Tradisi Budaya Melayu Berteraskan Islam” dlm. *Jurnal Pengajian Melayu* hlm. 85 Jilid 8. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Zurina Ismail, 1987. *Perlis Indera Kayangan*. Selangor: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.